

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah bilangan penerima ijazah yang masih belum mendapat kerja untuk setiap tahun 2016 - 2021 dan nyatakan punca-punca yang menyebabkan masalah tersebut berterusan.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi setiap tahun bagi tempoh enam bulan selepas bergraduasi, bilangan penerima ijazah yang masih belum mendapat kerja dari tahun 2016 hingga 2021 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Belum Bekerja
2016	32,219
2017	31,759
2018	31,511
2019	20,365
2020	19,135
2021	Data rasmi akan dilaporkan pada 1 Mac 2022

Menurut kajian '*A Study on the Impact of the COVID-19 Pandemic to Graduate Employability*' oleh Malaysian Institute of Economic Research (MIER), terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kadar kebolehpasaran graduan seperti:

- i. keadaan ekonomi negara;
- ii. inisiatif kerajaan bagi menggalakkan sektor ekonomi;
- iii. kadar pengangguran; dan
- iv. kadar penyertaan tenaga buruh.

Oleh yang demikian, unjuran kadar kebolehpasaran graduan bagi tahun 2021 hingga 2025 telah dibuat dengan mengambil kira faktor-faktor tersebut seperti berikut:

- i. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2020 telah mencapai 5.6 peratus dan dijangka meningkat sehingga 6.7 peratus pada tahun 2025;
- ii. Penurunan kadar pengangguran daripada 5.1 peratus pada suku kedua 2020 kepada 4.8 peratus pada suku keempat tahun 2020. Kadar ini dijangka terus menurun sehinggalah mencapai 3.5 peratus pada tahun 2025;
- iii. Peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh yang dijangka meningkat sehingga 70 peratus pada tahun 2025; dan
- iv. Pelaksanaan inisiatif kerajaan seperti penubuhan Majlis Pekerjaan Negara (NEC), Majlis TVET Negara (MTVET), Pelaksanaan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2021-2025 dan transformasi program akademik dengan penglibatan industri yang membantu mengukuhkan proses pembelajaran pelajar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING (KULAI)**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan rancangan untuk menambah Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) dan menaik taraf Sekolah K9 kepada K11.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam pengoperasian dan penyelenggaraan sekolah komprehensif K9 serta menaik taraf Sekolah K9 ke K11. Langkah ini bertujuan untuk menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat dan memastikan akses yang sama ke semua peringkat pendidikan.

Pada masa ini KPM sedang melaksanakan peluasan dua buah sekolah komprehensif K9 di negeri Pahang, iaitu SK Satak, Raub dan SK Kedaik, Rompin. Peluasan tersebut melibatkan pembinaan bangunan tambahan bagi bilik darjah, makmal, bengkel dan bilik khas. Projek pembinaan bangunan tambahan ini dijangka siap pada tahun 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga merancang untuk menaik taraf sekolah komprehensif K9 untuk menjadi Sekolah Model Khas Komprehensif 11 (K11). Pewujudan Sekolah K11 akan membolehkan murid mengikuti pendidikan selama sebelas tahun, iaitu enam tahun di peringkat rendah dan lima tahun di peringkat menengah dalam sekolah dan pentadbiran yang sama.

KPM telah mengenal pasti enam sekolah yang berpotensi untuk dinaik taraf menjadi Sekolah K11. Lima daripadanya adalah sekolah yang telah melaksanakan program Sekolah K9 manakala sebuah lagi adalah sekolah kebangsaan. Kriteria yang diambil kira untuk pelaksanaan Sekolah K11 adalah ketersediaan tanah, kemudahan infrastruktur dan ketekalan enrolmen murid. KPM turut mengadakan sesi libat urus bersama-sama pemegang taruh bagi memastikan perancangan pembangunan dan pelaksanaan K11 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING (KULAI)**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Gerbang Nusajaya, Johor ada keperluan untuk sebuah SJKC baharu. Senaraikan 10 lokasi yang ada keperluan SK, SJKC, SJKT dan SMK masing-masing.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha untuk menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negara, termasuk di kawasan Gerbang Nusajaya, Johor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa mendapat input dan cadangan daripada jabatan pendidikan negeri (JPN) bagi pembinaan sekolah baharu. Seterusnya, KPM akan melaksanakan analisis keperluan secara terperinci. Selain daripada kesediaan tapak atau tanah, antara perkara lain yang diambil kira adalah bilangan dan kapasiti sekolah sedia ada yang berhampiran, kepadatan penduduk di kawasan sekitar, liputan kawasan tadahan penduduk (*catchment area*) serta perancangan pembangunan kawasan tersebut berdasarkan perbincangan bersama pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sehingga kini, terdapat sepuluh sekolah di sekitar kawasan Gerbang Nusajaya, Johor. Data KPM menunjukkan enrolmen murid di sekolah kawasan sekitar Gerbang Nusajaya masih belum optimum.

Sehubungan dengan ini, KPM berpandangan bahawa buat masa ini, tiada keperluan mendesak untuk membina sekolah baharu memandangkan sekolah rendah sedia ada masih berupaya untuk menampung keperluan pendidikan bagi murid di kawasan Gerbang Nusajaya, Johor.